

KARANGAN PERIBAHASA

PDPR BAHASA MELAYU MINGGU 5 19/02/2021 KHAMIS

Isi tempat kosong dengan perkataan yang telah diberi (TARIK JAWAPAN KE TEMPAT KOSONG)

ulang kaji	cemerlang	mustahil	masa itu emas.	berusaha
Pengorbanan	"genggang bara api biar sampai jadi arang"	tidak pernah	melipatgandakan	pelajar

Peribahasa _____ bermaksud sesuatu kerja yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh akan mendatangkan hasil yang diharapkan. Peribahasa ini dapat dijelaskan melalui kisah seorang _____ yang bernama Roy. Kisah ini sememangnya dapat dijadikan teladan kepada semua.

Roy merupakan atlet yang berbakat di sekolahnya. Dia mahu menjadi pelajar yang berjaya dalam kedua-dua bidang, iaitu sukan dan akademik. Roy _____ usaha dalam semua aktiviti sukan dan pelajarannya bagi mencapai cita-cita tersebut. Jadual latihan sukan dan aktiviti kokurikulum mesti seimbang dengan jadual _____ pelajarannya.

Roy memasang tekad yang tinggi pada tahun ini. Keputusan peperiksaan pertengahan tahun diumumkan baru-baru ini amat mengecewakannya. Roy berazam akan belajar dengan bersungguh-sungguh sebagaimana yang dijadualkan. Dia tidak mahu membuang masa kerana baginya _____

_____ yang besar perlu untuk berjaya dalam kedua-dua bidang yang diceburi. Dia berazam tidak mahu lagi mengikut rakan-rakannya melepak di pusat beli-belah sebagaimana yang dilakukan sebelum ini. Pada waktu malam dia menghadiri kelas-kelas tuisyen yang dikendalikan oleh pihak sekolah. Dia juga berazam akan menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru.

Usaha yang _____ kenal erti jemu dan latihan yang dilakukan secara bersistem ditambah hasratnya untuk berjaya dalam akademik dan sukan membuahkan hasil yang diinginkan. Roy berjaya menjadi salah seorang pelajar yang _____ dalam Pentaksiran Tingkatan 3 pada tahun itu. Dia juga telah muncul sebagai Pelajar Bestari di sekolah, iaitu pelajar yang cemerlang dalam sukan, sahsiah dan akademik.

Sesungguhnya tidak ada yang _____ untuk dicapai jika kita berusaha dengan bersungguh-sungguh bak kata peribahasa, genggam bara api biar sampai jadi arang. Orang yang _____ akan mendapat hasil yang lumayan untuk diri sendiri dan orang yang tersayang.

NYATAKAN ISI PENTING KARANGAN TERSEBUT DALAM PETA BUIH DI BAWAH
KARANGAN PERIBAHASA "GENGGAM BARA API BIAR SAMPAI JADI ARANG"

